

TAKAFULINK DANA EKUITI

HELAIAN FAKTA DANA UTAMA 2018

TAKAFUL & KAMI

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, jaminan, jaminan kolektif dan usaha bersama. Secara umum, takaful diasaskan pada pengaturan koperasi (ta'awun) berdasarkan prinsip-prinsip bersama dan solidariti, merangkumi unsur-unsur indemniti dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang bermaksud perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, di dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional yang dapat menyediakan segala yang diperlukan oleh peserta-peserta kami. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi kami. Nilai-nilai inilah yang menjadikan kami pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi anda dalam setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan hingga keperluan kerohanian anda, setiap produk kami dicipta bagi memberikan ketenangan minda untuk anda.

**Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan yang mematuhi Syariah.*

TAKAFULINK DANA EKUITI

Ciri-ciri Dana

Objektif Pelaburan	Takafulink Dana Ekuiti (“Dana”) bertujuan untuk mengoptimumkan pulangan jangka sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti-ekuiti berkualiti tinggi patuh Syariah yang disenaraikan di Bursa Malaysia.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Dana bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur dalam portfolio seimbang yang merangkumi ekuiti patuh Syariah dan sekuriti patuh Syariah yang berkaitan dengan ekuiti yang mempunyai potensi untuk berkembang.</p> <p>Bagi mengenal pasti syarikat-syarikat sedemikian, Pengurus Dana akan menggunakan pendekatan pelaburan yang berasaskan penyelidikan dan penilaian yang sistematik di mana kualiti pengurusan, kekuatan model perniagaan, dinamik industri dan pemacu keuntungan dan keterusan pendapatan dinilai untuk mengenal pasti saham yang tidak bernilai oleh pasaran dan mengeksploitasi peluang tersebut.</p> <p>Dana ini diuruskan secara aktif. Walau bagaimanapun, kekerapan aktiviti perdagangannya bergantung kepada peluang pasaran dan penilaian Pengurus Dana.</p>
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none">• Sehingga 100% NAV bagi Dana dalam ekuiti Malaysia patuh Syariah; dan• Baki NAV Dana yang tidak dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam.
Tanda Aras Prestasi	<p>Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas Syariah (FBMSHA). <i>Maklumat lanjut mengenai FBMSHA boleh didapati di laman web Bursa Malaysia dan Bloomberg.</i></p>
Pengurus Dana	Eastspring Al-Wara’ Investments Berhad (860682-K)*

**Notis: Berkuat kuasa pada 1 Mac 2018, Pengurus Dana telah diubah daripada Eastspring Investments Berhad ke Eastspring Al-Wara’ Investments Berhad.*

Yuran & Caj

Caj Pengurusan Aset Wakalah	1.5% setahun
Caj Lain, jika ada	Tiada

TAKAFULINK DANA EKUITI

Prestasi Dana

Tahun	Takafulink Dana Ekuiti (%)	Benchmark* (%)
2018	(9.42)	(13.52)
2017	10.77	10.72
2016	(3.88)	(6.14)
2015	5.11	2.35
2014	1.23	(4.17)
2013	15.11	13.29
2012	16.61	11.85
2011	8.49	2.41
2010	17.70	18.20
2009	36.13	43.03

*Tanda aras: FBMSHA (tertakluk pada asas Harga Pulangan).

Dasar pengiraan prestasi lampau:

$$= \frac{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n}{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n-1} \% - 100\%$$

*NAV ialah pada dasar seunit

Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata dan bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.

Penentuan Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan masing-masing.

TAKAFULINK DANA EKUITI

Faktor Risiko

Sila rujuk kepada butiran Faktor Risiko yang dinyatakan di bawah mengikut aturan kepentingannya:

- **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin timbul daripada perubahan dalam suasana pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya dipengaruhi oleh, antara lain, kestabilan ekonomi dan politik. Sekiranya pasaran di mana Dana dilaburkan mengalami kemerosotan atau ketidakstabilan akibat keadaan ekonomi atau politik yang buruk, ia boleh memberi impak kepada harga pasaran pelaburan Dana.

- **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan merujuk pada dua senario. Senario pertama adalah di mana sekuriti patuh Syariah tidak dapat dijual kerana ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua pula adalah di mana pelaburan tersebut kurang didagangkan. Ia boleh menyebabkan Dana melupuskan pelaburan tersebut di pasaran pada harga yang tidak memberangsangkan dan memberi kesan buruk pada pelaburan yang dibuat oleh pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui prosoes pemilihan sekuriti patuh Syariah yang teliti.

- **Risiko Sekuriti**

Harga sekuriti patuh Syariah tertentu boleh berubah-ubah sebagai tindak balas terhadap keadaan yang menjejaskan syarikat-syarikat individu. Sebarang pergerakan ketara dalam harga sesuatu sekuriti patuh Syariah yang dilaburkan oleh Dana boleh menjejaskan NAV Dana. Pengurus Dana akan berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti patuh Syariah berkenaan dengan mempelbagaikan sekuriti dalam portfolio.

- **Risiko Ketidapatuhan**

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan dinyatakan dan dasar dalaman serta prosedur yang ditetapkan oleh Pengurus Dana, sama ada disebabkan oleh kesilapan atau kelalaian. Ketidapatuhan berikut boleh memaksa Pengurus Dana untuk menjual sekuriti Dana dengan menanggung rugi untuk membetulkan ketidakpatuhan dan seterusnya memberi kesan kepada nilai pelaburan pelabur dalam Dana. Bagi mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana telah mewujudkan kawalan dalaman bagi memastikan pematuhan berterusan dengan undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan yang dinyatakan dan polisi dalaman serta prosedur yang ditetapkan oleh Pengurus Dana.

TAKAFULINK DANA EKUITI

Faktor Risiko

• Risiko Syarikat Pengurusan

Ini adalah risiko Pengurus Dana atas kesilapan yang tidak disengajakan, mungkin boleh menyebabkan ketidakpatuhan mandat Dana berkaitan pelaburan. Risiko ini boleh dikurangkan oleh Pengurus Dana menggunakan cara berikut:

- Pemantauan oleh jawatankuasa pelaburan;
- Pemantauan had pelaburan dan sekatan melalui sistem pentadbiran yang digunakan oleh Pengurus Dana dan peniaga untuk menjalankan dagangan yang juga mempunyai keupayaan untuk memantau pelbagai peraturan dan keperluan dalam seperti pelanggaran pelaburan; dan
- Pelaporan risiko operasi dan pelaburan secara berkala kepada pihak pengurusan kanan.

• Risiko Inflasi

Risiko ini merujuk kepada risiko di mana pelaburan oleh pelabur dalam Dana mungkin tidak berkembang atau tidak menjana pendapatan yang seiring dengan inflasi, sekaligus menyebabkan pengurangan kuasa pembelian pelabur walaupun dari sudut kewangan, pelaburan tersebut mungkin telah meningkat.

• Risiko Pengelasan Semula Status Syariah

Ini adalah risiko di mana sekuriti patuh Syariah dalam Dana boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah selepas semakan semula berkala untuk sekuriti tersebut dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. Jika ini berlaku, Pengurus Dana Sasaran akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut. Dana berkemungkinan mengalami kerugian kerana Dana tidak dibenarkan untuk menyimpan lebihan keuntungan modal yang diperolehi daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah. Nilai Dana juga mungkin akan terjejas sekiranya sekuriti tidak patuh Syariah dilupuskan pada harga yang lebih rendah daripada kos pelaburan.

Nota: Perkara di atas tidak harus dianggap sebagai senarai lengkap risiko yang harus dipertimbangkan pelabur sebelum melabur dalam Dana. Pelabur perlu sedar bahawa pelaburan dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko lain dari semasa ke semasa. Pelabur harus berunding dengan penasihat profesional untuk memahami dengan lebih baik berkenaan risiko.

TAKAFULINK DANA EKUITI

Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang diguna pakai oleh Pengurus Dana termasuk yang berikut:-

- Memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- Memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta batasan bagi Dana;
- Memantau prestasi Dana;
- Mengambil posisi defensif sementara, apabila perlu; dan
- Menyalur dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan pengurusan kanan, jawatankuasa audit, jawatankuasa syariah dan lembaga pengarah.

Maklumat Lain

Pasaran Sasaran	Untuk peserta yang mempunyai toleransi risiko yang tinggi dan jangka masa pelaburan yang sederhana hingga panjang.
Dasar & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none">• Penentuan harga dilakukan setiap hari.• Harga unit dikira berdasarkan nilai pasaran Dana aset sandaran, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.• Dana Takafulink tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal secara automatik diubah dalam harga unit.• Harga unit adalah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan• Nilai Dana adalah nilai semua aset dana Takafulink tertentu selepas potongan perbelanjaan untuk mengurus, memperoleh, mengekalkan dan menilai aset Dana, cukai atau levi statutori lain yang ditanggung oleh PruBSN ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal di atas aset Dana dan apa-apa pendapatan yang dijangka atau terakru.

TAKAFULINK DANA EKUITI

Maklumat Lain

Dasar & Kekerapan
Penilaian Unit (samb.)

- Tarikh Penilaian adalah tarikh yang ditentukan oleh Syarikat dari semasa ke semasa, tetapi tidak kurang daripada sekali sehari, bagi menentukan harga unit.
- Bagi mendapatkan semula kos untuk memperoleh dan melupuskan aset, pelarasan kos transaksi akan dilakukan terhadap Nilai Dana untuk memulihkan sebarang amaun yang telah dibayar atau dijangka secara munasabah untuk dibayar oleh dana untuk mewujudkan atau pembatalan unit tersebut.

Keadaan
Pengecualian

PruBSN boleh menangguhkan penentuan harga unit dan menangguhkan pengeluaran atau penebusan unit, atau bertukar kepada mana-mana dana, di bawah Dana ini untuk tempoh yang munasabah dalam keadaan di luar jangkaan, seperti dan termasuk peristiwa campur tangan yang mengakibatkan penutupan sementara mana-mana bursa saham atau penggantungan saham tertentu di mana Dana dilaburkan. Dalam keadaan sedemikian, notis penggantungan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada Peserta atas permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/dari mana-mana dana Takafulink tersebut.

Penafian:

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

TAKAFUL

Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad (740651-H)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Peti Surat 10073, 50704 Kuala Lumpur.

Talian Umum: +603 2778 3888

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2053 7188

E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my

AHLI

